

## **Dr Wahid Naib Canselor baru UTHM**

Timbalan Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Dr Wahid Razzaly dilantik sebagai Naib Canselor UTHM baru dan akan memegang jawatan itu bagi tempoh tiga tahun berkuatkuasa 3 Mac lalu hingga 2 Mac 2020.

Beliau adalah Naib Canselor UTHM ketiga sejak ia dinaik taraf kepada Universiti pada 2007 daripada Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).

Dalam satu kenyataan, Bahagian Perhubungan Awam UTHM berkata, pelantikan itu bagi menggantikan Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin yang sudah tamat tempoh pelantikannya pada 15 Oktober 2016 lalu selepas dilantik



**DR Wahid**

secara rasmi oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Idris Jusoh.

“Pelantikan berkenaan turut mendapat perkenan Canselor Universiti, Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar di bawah Seksyen 12 (1) Perlembagaan Universiti,” katanya.